

**Ucapan Penutup**  
**Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-15**  
**8 Julai 2021 (Khamis)**  
**oleh**  
**Prof. Dr. Ashraf b. Md Hashim**  
**Tempoh masa: 10 minit**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ؛ اللَّهُمَّ  
عَلِّمْنَا مَا يَنْفَعُنَا وَانْفَعْنَا بِمَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ؛

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,*

Yang Berbahagia, Profesor Dr. Mohamad Akram Laldin selaku Pengarah Eksekutif ISRA, Yang Dihormati Wakil-Wakil dari Negara-Negara Nusantara para pembentang, pendiskusi dan para peserta MUZAKARAH2021 sekalian.

1. Pertamanya, syukur ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah kurnia dan 'inayah-Nya dapat kita sama-sama hadir berkumpul secara maya di Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-15 pada hari ini.
2. Pejam celik, pejam celik, sudah hampir dua tahun kita hidup dalam suasana Covid-19 ini. Dan Alhamdulillah, pada tahun ini, Muzakarah masih berjaya dilaksanakan demi memastikan pembangunan dan inovasi dalam kewangan Islam sentiasa diteruskan. Semoga Allah s.w.t merahmati kita semua dengan mengangkat ujian Covid 19 ini dan seterusnya kita dapat bertemu, bermuzakarah dan berukhuwwah secara fizikal pada tahun-tahun yang mendatang.

3. Seperti yang Tuan-tuan dan Puan-puan sedia maklum, acara Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ini merupakan anjuran Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) di mana pakar-pakar kewangan serantau dihimpunkan bagi menguraikan serta mendalami isu-isu yang berbangkit dalam industri kewangan Islam.
4. Dengan pemilihan tema MUZAKARAH2021 iaitu “Industri Kewangan Islam Pasca Pandemik: Impak, Cabaran dan Hala Tuju”, tema ini adalah amat bertepatan dengan krisis ekonomi global masa kini yang berlaku ekoran daripada pandemik COVID-19 yang masih tidak berpenghujung. Kami yakin, dengan perbincangan tentang topik-topik yang berkaitan akan membantu dalam menghasilkan solusi untuk setiap isu yang dihadapi oleh industri kewangan Islam.
5. Wacana serta kritikan yang bakal tercetus ini semuanya adalah demi penambahbaikan industri kewangan Islam. Dengan saling bertukar idea dalam kalangan cendekiawan serantau, semestinya ketokohan ilmuan Nusantara akan terus disegani.

Tuan dan puan yang dirahmati Allah SWT.

6. Alhamdulillah, dengan izin Allah s.w.t, Muzakarah pada tahun ini telah merekodkan hampir 300 peserta yang hadir dalam acara ini. Jumlah ini merupakan angka penyertaan yang tertinggi sejak acara Muzakarah diadakan pada kali pertama pada tahun 2007. Tanpa penglibatan dan sokongan tuan-puan, Muzakarah tidak mungkin berjaya dilaksanakan. Oleh yang demikian, saya mewakili bagi pihak ISRA, ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua peserta yang tidak

jemu menyokong usaha yang dilakukan oleh pihak kami. InsyaAllah, kita mengharapkan lebih ramai lagi penglibatan yang kita akan terima pada tahun-tahun yang akan datang.

7. Di kesempatan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat kerana memberikan kerjasama yang padu sepanjang program ini berlangsung terutamanya kepada Bank Negara Malaysia (BNM), Institusi Sokongan, INCEIF dan Universiti Utara Malaysia (UUM), Ahli Komuniti, Malaysia World's Islamic Finance Marketplace serta Rakan aplikasi, I-FIKR atas sokongan yang diberikan kepada penganjuran MUZAKARAH2021. Juga, bagi pihak ISRA, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penaja-penaja iaitu ISRA Consulting yang merupakan Syarikat Perundingan kepada ISRA dan juga pihak ASAS yang sentiasa memberi sokongan padu kepada acara MUZAKARAH. Tidak dilupakan Rakan Kerjasama kami iaitu, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dari Brunei, Institut Tazkia dari Indonesia, dan Universiti Fatoni dari Thailand yang banyak membantu dalam menjayakan acara ini.
  
8. Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian. Dengan berakhirnya Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-15 pada tengahari ini, kami mengambil kesempatan ini untuk memohon ampun dan maaf seandainya sepanjang kami menerajui acara ini, terdapat tutur dan ungkap bicara yang menyinggung hati dan jiwa. Sesungguhnya apa yang terbaik itu adalah datangnya daripada Allah SWT dan yang selainnya adalah kerana kelemahan kami sendiri.

*Berbaju kurung kain sutera,  
Tampaknya indah berhias labuci,  
Jari disusun maaf dipinta,  
Panjang usia bersua kembali.*

9. Akhir kalam, saya, mewakili Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) dan ISRA Consulting mengakhiri ucapan ini dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, sekali gus merasmikan majlis penutup Acara Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-15. Saya sudahi majlis ini dengan wabillahi taufik wahidayah. Wassalamualaikum wbt. Sekian, Terima kasih.

Kembali kepada pengacara Majlis.